

PENGLIBATAN MASYARAKAT TERENGGANU DALAM AR-RAHNU: SATU TINJAUAN SOSIOEKONOMI

Salimah Yahaya^{1*} & Tengku Atikah Engku Fauzi²

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu,
Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu

²Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA),
Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu

*salimahyahya@uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v8i2.9057>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
28 August 2025

Valuation date:
25 September 2025

Publication date:
01 October 2025

Ar-Rahnu merupakan sistem pajak gadaian berteraskan prinsip Syariah yang berfungsi sebagai satu alternatif pembiayaan mikro Islam. Perkembangan institusi-institusi Ar-Rahnu di Malaysia kini menunjukkan peranan pentingnya sebagai salah satu entiti kewangan yang menawarkan kemudahan pembiayaan berasaskan cagaran, sekaligus menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan masyarakat setempat. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk meneliti tahap penglibatan masyarakat di Negeri Terengganu dalam penggunaan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi Ar-Rahnu pada masa kini. Kajian ini menjalankan satu tinjauan reflektif terhadap aspek sosioekonomi dan kewangan masyarakat Islam, dengan fokus khusus kepada usahawan mikro kredit wanita Muslim di negeri Terengganu. Pendekatan kualitatif digunakan melalui sorotan literatur terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan. Kaedah pengumpulan data melibatkan dokumentasi dan analisis kepustakaan sebagai sumber utama. Daripada hasil sorotan tersebut, satu kerangka konseptual telah dibentuk bagi menggambarkan hubungan antara penglibatan masyarakat dengan impak sosioekonomi yang terhasil. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penglibatan usahawan wanita di Terengganu berada pada paras sederhana tinggi, didorong oleh beberapa faktor sokongan seperti kemudahan akses kepada perkhidmatan Ar-Rahnu, kadar caj perkhidmatan yang rendah, serta pematuhan kepada prinsip Syariah. Implikasi terhadap aspek sosioekonomi dan kewangan Islam dalam kalangan masyarakat yang terlibat dengan perkhidmatan Ar-Rahnu menunjukkan prestasi ekonomi yang memberangsangkan dan wajar dibanggakan. Antara kesan positif yang dikenal pasti termasuk peningkatan peluang pekerjaan dalam kalangan usahawan wanita, penambahan sumber pendapatan keluarga, peningkatan taraf hidup, sumbangan kepada pembangunan ekonomi setempat, serta penggalakan terhadap kepelbagaian aktiviti

ekonomi perusahaan kecil dan sederhana (IKS). Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan memperkukuh usaha promosi serta pelaksanaan program pendidikan kewangan Islam dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, langkah-langkah perlu diambil untuk mengurangkan kekangan seperti kekurangan pengetahuan yang mendalam mengenai konsep sebenar Ar-Rahnu dan isu berkaitan dokumentasi, agar tahap penglibatan masyarakat dapat ditingkatkan secara lebih menyeluruh dan meluas.

Kata kunci: Ar-Rahnu, Pajak Gadaai Islam, Penglibatan Masyarakat Terengganu, Sosioekonomi, Mikro Kredit.

TERENGGANU COMMUNITY INVOLVEMENT IN AR-RAHNU: A SOCIOECONOMIC OVERVIEW

Abstract

Ar-Rahnu is a pawnbroking system based on Sharia principles that functions as an alternative to Islamic microfinancing. The development of Ar-Rahnu institutions in Malaysia now shows its important role as one of the financial entities that offer collateral-based financing facilities, thus contributing directly to the country's economic growth and the well-being of the local community. In this regard, this article aims to examine the level of community involvement in the state of Terengganu in the use of services offered by Ar-Rahnu institutions today. This study conducts a reflective survey of the socioeconomic and financial aspects of the Muslim community, with a specific focus on Muslim women microcredit entrepreneurs in the state of Terengganu. A qualitative approach is used through a literature review of relevant past studies. The data collection method involves documentation and library analysis as the main source. From the results of the review, a conceptual framework has been formed to illustrate the relationship between community involvement and the resulting socioeconomic impact. The study findings show that the level of involvement of women entrepreneurs in Terengganu is at a moderately high level, driven by several supporting factors such as ease of access to Ar-Rahnu services, low service charge rates, and compliance with Shariah principles. The implications for the socio-economic and Islamic financial aspects among the community involved with Ar-Rahnu services show encouraging economic performance and are worthy of pride. Among the positive impacts identified include increased employment opportunities among women entrepreneurs, increased sources of family income, improved living standards, contributions to local economic development, and encouragement of diverse economic activities of small and medium enterprises (SMEs). In this regard, this study recommends that local authorities strengthen promotional efforts and the implementation of Islamic financial education programs among the community. At the same time, steps need to be taken to reduce constraints such as lack of in-depth knowledge about the true concept of Ar-Rahnu and issues related to documentation, so that the level of community involvement can be increased more comprehensively and widely.

Keywords: *Ar-Rahnu, Islamic Pawnbroking, Terengganu Community Involvement, Islamic Socioeconomics, Microcredit.*

PENGENALAN

Sistem kewangan Islam di Malaysia telah mengalami perkembangan yang signifikan, disertai dengan pengenalan pelbagai produk dan perkhidmatan kewangan, antaranya Ar-Rahnu. Ar-Rahnu merupakan suatu instrumen pajakan yang berlandaskan prinsip Syariah, di mana individu boleh memperoleh pembiayaan tunai dengan mencagarkan emas sebagai jaminan. Instrumen ini berperanan sebagai satu bentuk pembiayaan alternatif yang efektif, khususnya dalam membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana mendapatkan akses kepada sumber kewangan yang patuh Syariah (Hasan & Othman, 2021).

Perkembangan institusi Ar-Rahnu di Malaysia pada masa kini telah membawa kepada satu fenomena yang positif bukan sahaja kepada industri kewangan dan perbankan, malah kepada sosioekonomi masyarakat itu sendiri. Perkembangan ini telah membuka mata pihak institusi ini untuk turut menyediakan kemudahan skim Ar-Rahnu di institusi mereka. Hal ini sekaligus membantu ramai pihak yang memerlukan kemudahan kewangan dan pembiayaan yang segera dalam meneruskan kelangsungan hidup serta turut menjadi sumber modal kepada usahawan mikro untuk terus kekal dalam perniagaan yang mereka ceburi. Dalam aspek menyediakan pembiayaan kepada masyarakat, institusi Ar-Rahnu ini sekaligus membantu meningkatkan taraf pembangunan sosioekonomi masyarakat bukan sahaja memfokuskan kepada keuntungan yang bakal diperolehi semata-mata (Nur Hidayatul, 2020).

Bidang keusahawanan berasaskan mikro kredit dilihat sebagai satu agen transformasi yang berpotensi menyumbang secara signifikan terhadap pemeraksanaan sosioekonomi negara dan masyarakat. Menurut Faradillah et al. (2015), telah banyak usaha dibuat dan sedang dilakukan bagi menggalakkan lebih ramai masyarakat terlibat dalam sektor perniagaan dan keusahawanan ini. Penyertaan wanita dalam pelbagai sektor kini bukan lagi sesuatu yang asing, bahkan amat digalakkan bagi memastikan keseimbangan serta daya saing yang setara dengan kaum lelaki. Penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan juga bukanlah suatu fenomena baharu, malah telah wujud sejak zaman awal Islam. Siti Khadijah RA, isteri kepada Rasulullah SAW, merupakan tokoh usahawan wanita terkemuka yang sering dijadikan rujukan sebagai simbol kejayaan dan ketokohan dalam dunia perniagaan (Hallieyana & Hamid, 2020).

Pada masa kini, penyertaan usahawan mikro wanita dalam sektor perniagaan semakin pesat berkembang, mencerminkan peranan aktif golongan ini dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan memperkukuh pembangunan keusahawanan negara (Faradillah, et al., 2015). Hal ini kerana kaum wanita merupakan sebahagian besar daripada populasi penduduk di Malaysia di mana bilangan kaum wanita atau perempuan adalah meningkat berdasarkan statistik bancian yang dibuat dari tahun 2010 iaitu sebanyak 10.4 juta orang kepada 14.7 juta orang pada tahun 2020 (Banci Malaysia,

2020). Menurut Muhammad et al. (2016), usahawan merupakan kelompok yang memainkan peranan signifikan dalam penjana pendapatan merentasi pelbagai sektor ekonomi. Tidak dapat dinafikan, golongan ini turut berfungsi sebagai antara tunjang utama dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Sehubungan itu, pelbagai kajian telah dijalankan oleh penyelidik masa kini yang menumpukan perhatian terhadap usahawan mikro wanita daripada pelbagai dimensi. Kajian-kajian ini bertujuan untuk membantu pihak kerajaan serta organisasi bukan kerajaan (NGO) dalam memperoleh data dan maklumat yang relevan. Antara penemuan utama termasuklah keperluan terhadap bantuan kewangan, penyediaan latihan pembangunan, kemudahan infrastruktur, pendidikan keusahawanan, serta perkhidmatan sokongan lain yang bersesuaian dalam usaha memastikan kelangsungan penglibatan usahawan mikro wanita dalam sektor ini.

Di negeri Terengganu, yang terkenal dengan latar belakang sosial dan budaya Islam yang kukuh, penggunaan perkhidmatan Ar-Rahnu berpotensi untuk berkembang secara meluas. Namun begitu, tahap sebenar penglibatan masyarakat terhadap kemudahan ini masih kurang mendapat perhatian dalam penyelidikan sedia ada. Justeru, penulisan ini memfokuskan kepada sejauh mana penglibatan masyarakat di Terengganu dalam institusi Ar-Rahnu serta implikasinya terhadap kesejahteraan sosioekonomi dan pembangunan kewangan Islam. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan objektif berikut iaitu, (1) Menilai tahap penglibatan masyarakat Terengganu dalam sistem perkhidmatan Ar-Rahnu; (2) Mengenal pasti manfaat penglibatan tersebut terhadap aspek sosioekonomi mereka; dan (3) Mengemukakan cadangan ke arah memperkukuh penyertaan masyarakat dalam sistem pajakan Islam Ar-Rahnu di Negeri Terengganu.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penulisan kertas kerja konsep yang menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan tidak melibatkan sebarang aktiviti di lapangan. Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah mengumpulkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan secara langsung dengan tajuk kajian. Pengumpulan data dilakukan melalui sumber sekunder, merangkumi rujukan kepada artikel jurnal, tesis, buku, laporan akhbar, portal rasmi, prosiding persidangan dan lain-lain bahan ilmiah yang relevan. Maklumat yang diperoleh daripada kajian lepas dianalisis dengan meneliti pandangan serta dapatan penyelidik terdahulu, bagi menyokong analisis dan mencapai objektif kajian ini secara menyeluruh. Kajian kepustakaan ini secara tuntas meneliti tahap penglibatan masyarakat, khususnya di Negeri Terengganu, dalam institusi Ar-Rahnu sebagai mekanisme sokongan kepada usahawan mikro wanita di kawasan yang terlibat.

Pemilihan lokasi kajian ini didasarkan kepada beberapa faktor penting. Antaranya, negeri Terengganu merupakan salah satu negeri pertama yang memperkenalkan perkhidmatan Ar-Rahnu sejak tahun 1993. Institusi Ar-Rahnu yang pertama ditubuhkan di negeri ini ialah Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), yang kini berada di bawah pengurusan MAIDAM (Mohamad & Salleh, 2008). Oleh yang demikian, kajian ini

bertujuan untuk menilai sejauh mana penglibatan masyarakat dalam perkhidmatan Ar-Rahnu setelah beroperasi selama lebih tiga dekad di Terengganu.

Selain itu, majoriti penduduk di negeri Terengganu terdiri daripada masyarakat Melayu yang beragama Islam. Negeri ini juga mencatatkan peratusan tertinggi populasi Melayu Muslim berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Penduduk Terengganu dikenali sebagai masyarakat yang mempunyai tahap komitmen yang tinggi terhadap nilai-nilai keagamaan. Sehubungan itu, terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa masyarakat Islam di negeri ini cenderung memilih perkhidmatan Ar-Rahnu yang berteraskan prinsip syariah, berbanding pajak gadai konvensional yang lazimnya dikendalikan oleh pihak bukan Islam. Dalam konteks ini, Ar-Rahnu dilihat lebih selari dengan keperluan dan nilai agama masyarakat setempat.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan dan perbincangan yang merangkumi sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan institusi Ar-Rahnu serta tahap penglibatan masyarakat terhadap perkhidmatan ini di negeri Terengganu. Sorotan literatur ini turut meneliti implikasi penyertaan tersebut terhadap aspek sosioekonomi masyarakat setempat, di samping mengaitkannya dengan perkembangan kewangan Islam menerusi penggunaan instrumen Ar-Rahnu.

Ar-Rahnu

Pajak gadai Islam, yang lebih dikenali sebagai Ar-Rahnu, telah lama diperkenalkan sebagai satu bentuk sistem pembiayaan berasaskan cagaran. Istilah Ar-Rahnu berasal daripada perkataan Arab Rahn, yang membawa maksud gadaian dan beroperasi berasaskan prinsip Syariah (Ishak et al., 2019). Sebagai salah satu instrumen dalam kewangan Islam, Ar-Rahnu mempunyai potensi besar dalam menawarkan kemudahan pembiayaan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Ia bukan sahaja bermanfaat kepada usahawan mikro wanita dan golongan berpendapatan rendah, malah turut memberi manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi yang memerlukan akses kepada tunai dengan segera (Azila et al., 2013).

Ar-Rahnu berperanan sebagai pemangkin ekonomi kepada golongan usahawan kecil dalam memperoleh modal perniagaan. Pelaksanaan skim pajak gadai Islam ini menyediakan kemudahan pembiayaan mikro yang mematuhi prinsip Syariah, sekali gus menawarkan alternatif kewangan yang lebih selamat dan beretika. Kemudahan ini amat signifikan khususnya bagi golongan wanita Islam, kerana ia membantu mengatasi cabaran kewangan yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti keusahawanan (Nur Hidayatul et al., 2020).

Sejak awal tahun 1992, kemudahan skim Ar-Rahnu mula menunjukkan perkembangan pesat di Malaysia. Penubuhan institusi Ar-Rahnu bermula dengan inisiatif Kerajaan

Negeri Terengganu melalui penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), serta Kerajaan Negeri Kelantan melalui Permodalan Kelantan Berhad (PKB) pada tahun yang sama (Ishak et al., 2019). Menurut Othman et al. (2013), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) merupakan antara institusi terawal yang tampil secara proaktif dalam melancarkan perkhidmatan Ar-Rahnu di Malaysia, iaitu pada 23 Januari 1992, yang kemudiannya diikuti oleh penubuhan PKB di Kelantan dalam tahun yang sama.

Susulan daripada penubuhan awal Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) dan Permodalan Kelantan Berhad (PKB), usaha pengembangan sistem Ar-Rahnu diteruskan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dengan sokongan Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan. Inisiatif ini direalisasikan melalui pelaksanaan skim Ar-Rahnu oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) pada tahun 1993. Pelaksanaan tersebut telah mendapat sambutan yang positif daripada para pelanggan, menandakan penerimaan yang meluas terhadap konsep pajak gadaai Islam dalam kalangan masyarakat (Kambara, 2018).

Sambutan positif yang diterima daripada pelanggan terhadap skim Ar-Rahnu telah mendorong Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan institusi perbankan (Azila et al., 2014). Pada tahun 1998, kerjasama dimeterai bersama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), diikuti dengan kerjasama bersama Bank Pertanian Malaysia Berhad (kini Agrobank) pada tahun 2002. Namun demikian, pada 2 Oktober 2000, YaPEIM telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan dan melancarkan skim Ar-Rahnu milik mereka sendiri yang dikenali sebagai Ar-Rahnu YaPEIM (Kambara, 2018).

Pertambahan bilangan institusi Ar-Rahnu di Malaysia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan, apabila beberapa institusi bukan kewangan turut mula menawarkan kemudahan skim ini. Langkah ini bertujuan untuk menyediakan alternatif yang bebas daripada unsur riba dan gharar yang lazimnya dikaitkan dengan sistem pajak gadaai konvensional (Muhammad Saiful & Muhammad Hakimi, 2008). Antara institusi yang turut terlibat termasuklah Habib, yang melancarkan perkhidmatan Ar-Rahnu pada tahun 2010, diikuti oleh Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (Koperasi Tentera) dan Pos Malaysia Berhad pada tahun 2012 (Muhammad Saiful & Muhammad Hakimi, 2008). Selain itu, beberapa institusi perbankan lain seperti RHB Bank dan Bank Muamalat juga telah memperkenalkan skim Ar-Rahnu sebagai sebahagian daripada penawaran kewangan Islam mereka (Azila et al., 2014).

Sehubungan itu, beberapa kajian terdahulu seperti oleh Hassan et al. (2015) mendapati bahawa perkhidmatan Ar-Rahnu mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan peniaga kecil dan suri rumah, terutamanya di negeri-negeri Pantai Timur seperti Terengganu, Kelantan dan Pahang. Antara faktor utama yang mendorong penggunaan dan penglibatan masyarakat dalam skim ini termasuklah keyakinan terhadap pematuhan Syariah, proses permohonan yang mudah serta kadar upah simpan yang rendah. Walau bagaimanapun,

kajian oleh Nor & Mohd (2015) menunjukkan wujudnya kekangan dari segi kefahaman masyarakat terhadap konsep sebenar Ar-Rahnu, yang menyebabkan tahap penglibatan masyarakat masih belum mencapai tahap yang optimal.

Penglibatan Masyarakat dalam Ar-Rahnu di Terengganu

Di negeri Terengganu, institusi Ar-Rahnu yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menjadi entiti yang sangat dikenali dalam kalangan masyarakat tempatan sejak penubuhannya pada tahun 1992. Menurut Othman et al. (2013), kewujudan MAIDAM telah memberi sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi penduduk negeri tersebut. Ar-Rahnu MAIDAM pula merupakan antara institusi yang masih mengekalkan pendekatan berteraskan kebajikan, khususnya dengan menawarkan pembiayaan tanpa mengenakan sebarang upah simpan bagi nilai barang gadaian yang tidak melebihi RM2,000 (Yahaya et al., 2022).

Secara keseluruhan, Ar-Rahnu MAIDAM, yang dahulunya dikenali sebagai Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT), telah memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan ekonomi dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu. Berdasarkan Kajian Pengguna yang dijalankan oleh Terengganu Development Institute (TDI) pada tahun 2007, Skim Ar-Rahnu MAIDAM dikenal pasti sebagai pilihan kedua dalam kalangan pengguna apabila memerlukan akses kepada kewangan segera (selepas mendapatkan bantuan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan). Kajian tersebut turut mendapati bahawa populariti skim ini banyak dipengaruhi oleh faktor seperti kadar upah simpan yang rendah serta perkhidmatan yang disifatkan sebagai cepat, mudah dan telus.

Menurut Othman et al. (2013), kewujudan Ar-Rahnu MAIDAM telah memberi impak yang signifikan terhadap peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat di Terengganu. Secara keseluruhannya, skim ini memberikan manfaat kepada sekitar 60,000 individu setiap tahun, merangkumi golongan seperti nelayan, usahawan kecil dan sederhana, petani, serta mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana yang memerlukan akses segera kepada sumber kewangan. Di samping itu, Ar-Rahnu MAIDAM turut memainkan peranan penting dalam membebaskan umat Islam daripada terlibat dengan amalan riba dan unsur gharar yang lazim terdapat dalam sistem pajak gadai konvensional, yang sering mengenakan caj yang tidak munasabah.

Dapatan daripada kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat pernah menggunakan perkhidmatan Ar-Rahnu sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Perkhidmatan ini kebiasaannya digunakan bagi tujuan kecemasan, diikuti dengan keperluan mendapatkan modal perniagaan berskala kecil serta pembiayaan pendidikan anak-anak. Antara faktor utama yang mendorong penggunaan Ar-Rahnu termasuklah proses yang pantas dan tidak membebankan, kadar caj yang lebih rendah berbanding pajak gadai konvensional, serta jaminan pematuhan kepada prinsip Syariah. Namun begitu, terdapat beberapa kekangan yang menghalang penglibatan masyarakat secara lebih meluas, antaranya kurangnya

maklumat berkaitan prosedur permohonan, stigma sosial terhadap pemajak emas, dan kekangan dari segi akses lokasi Ar-Rahnu terutamanya di kawasan luar bandar.

Setakat ini, kajian berkaitan Ar-Rahnu yang menjadikan negeri Terengganu sebagai lokasi kajian masih lagi terhad. Oleh itu, pelaksanaan kajian di pusat bandar Kuala Terengganu adalah wajar memandangkan kawasan ini merupakan tumpuan utama pelbagai lapisan masyarakat. Pemilihan lokasi ini juga disokong oleh faktor sejarah, iaitu Terengganu merupakan antara negeri terawal yang memperkenalkan perkhidmatan Ar-Rahnu, bermula pada tahun 1993 (Mohamad & Salleh, 2008).

Sosioekonomi Masyarakat dan Kewangan Islam dalam Ar-Rahnu

Secara keseluruhan, perkembangan pesat perkhidmatan Ar-Rahnu, khususnya di negeri Terengganu, telah berjaya menarik penglibatan yang signifikan dalam kalangan usahawan wanita tempatan. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi komuniti setempat yang terlibat secara langsung dalam penggunaan skim ini. Justeru, perkhidmatan pajak gadai Islam semakin mendapat perhatian dalam kalangan wanita islam, memandangkan pelbagai manfaat yang ditawarkan, khususnya kepada penduduk yang menetap berhampiran kawasan operasi institusi Ar-Rahnu.

Dari sudut sosioekonomi, penglibatan masyarakat dalam institusi Ar-Rahnu secara tidak langsung telah memberikan impak positif kepada ekonomi komuniti setempat, di samping menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara keseluruhan. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, beberapa kesan utama yang dikenal pasti merangkumi aspek peningkatan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat tempatan. Antaranya termasuk: (1) Membuka peluang pekerjaan kepada usahawan wanita, (2) Menambah sumber pendapatan isi rumah, (3) Meningkatkan taraf hidup masyarakat, (4) Menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat, dan (5) Mendorong kepelbagaian aktiviti ekonomi dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (IKS).

1. Meningkatkan Peluang Pekerjaan Usahawan Wanita

Impak sosioekonomi daripada pelaksanaan Ar-Rahnu telah membantu para peniaga kecil, khususnya wanita, dalam meningkatkan peluang pekerjaan serta memperkukuh kedudukan ekonomi mereka. Dapatan ini adalah selari dengan kajian-kajian di negeri-negeri lain di Pantai Timur, yang menunjukkan bahawa Ar-Rahnu menjadi pilihan utama dalam kalangan masyarakat berpendapatan sederhana sebagai alternatif pembiayaan yang sesuai dengan keperluan mereka. Di Terengganu, elemen patuh Syariah yang diterapkan dalam perkhidmatan ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap Ar-Rahnu. Rentetan daripada ini, Ar-Rahnu mampu menyumbangkan impak sosioekonomi dengan membuka pelbagai peluang pekerjaan kepada usahawan-usahawan wanita islam khususnya (Hallieyana & Hamid, 2020).

2. Menambahkan Sumber Pendapatan Usahawan Wanita

Menurut Nur Hidayatul et al. (2020), institusi Ar-Rahnu berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi usahawan mikro melalui penyediaan akses kepada modal perniagaan. Bagi kebanyakan usahawan, kemudahan yang ditawarkan oleh institusi ini sering dijadikan sebagai salah satu sumber pembiayaan utama dalam memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka (Portal Ar-Rahnu YaPEIM, 2020). Secara tidak langsung, melalui kemudahan ini telah membantu menjana dan menstabilkan sumber pendapatan dalam kalangan usahawan wanita, terutamanya mereka yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan keluarga.

Hal ini menunjukkan institusi Ar-Rahnu ini memberi impak yang penting kepada usahawan mikro wanita yang terlibat dalam membantu untuk mendapatkan modal perniagaan sama ada untuk memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan mereka. Ekoran daripada kemudahan akses yang disediakan dapat membantu usahawan dalam menambahkan sumber pendapatan mereka.

3. Meningkatkan Taraf Hidup Usahawan Wanita

Impak sosioekonomi usahawan wanita Islam seterusnya yang dimainkan oleh institusi Ar-Rahnu dapat dilihat dalam aspek meningkatkan taraf ekonomi usahawan mikro wanita sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Menurut Nadiyah (2014), Ar-Rahnu menjadi sumber kewangan yang penting kepada usahawan rentetan daripada kos sara hidup yang semakin meningkat yang mana secara tidak langsung menjadikan kos untuk menjalankan perniagaan juga semakin meningkat. Oleh itu, selain menyediakan bantuan kewangan dengan mudah dan cepat, Ar-Rahnu juga boleh dijadikan salah satu bentuk kewangan tambahan bagi menampung kos-kos pengendalian perniagaan yang semakin meningkat (Norudin et al. 2014).

4. Menyumbang kepada Pembangunan Ekonomi Setempat

Selain itu, institusi ini memberi implikasi sosioekonomi dalam meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi negara mahupun setempat. Melalui hasil kajian Azila et al, (2013), ekoran dari krisis ekonomi yang berlaku di Malaysia pada tahun 2008, institusi ini mengalami pertambahan kadar peminjam yang drastik iaitu sebanyak (152.8%). Hal ini menunjukkan bahawa pelanggan lebih cenderung untuk membuat pinjaman dengan institusi Ar-Rahnu berbanding dengan institusi perbankan yang lazim menghadkan pinjaman. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang positif antara kadar penebusan dengan pertumbuhan ekonomi. Selari dengan kajian kes yang dijalankan di Singapura, hasil kajian Chan (2001) masyarakat akan mempunyai lebih banyak wang sehingga mampu menyumbang kepada aktiviti perniagaan dan keusahawan dengan baik sehingga memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi setempat.

5. Menggalakkan Kepelbagaian Aktiviti Ekonomi IKS Wanita

Menurut Abu Sufian, et al. (2018), institusi kewangan memainkan peranan yang penting dalam usaha menyediakan kemudahan insentif atau bantuan pembiayaan kepada usahawan dalam menjalankan aktiviti keusahawanan. Hal ini kerana, tanpa bantuan kewangan dan insentif yang positif kepada masyarakat, usahawan mikro wanita ini sukar untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan yang lebih produktif. Pelbagai bantuan dana dan kewangan telah diperkenalkan untuk membantu usahawan mikro yang baru menyertai sektor perniagaan mahupun usahawan yang ingin mengembangkan lagi perniagaan sama ada yang perniagaan itu dipelopori oleh usahawan wanita mahupun usahawan lelaki (Osman, 2020). Dengan adanya bantuan ini, sosioekonomi usahawan wanita islam khususnya semakin meningkat dan mampu berdaya saing dalam menggalakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Hasil daripada kajian-kajian terdahulu mengenai impak sosioekonomi kesan daripada penglibatan masyarakat dalam Ar-Rahnu ini dapat diringkaskan sepertimana dalam Jadual 1.


Jadual 1: Implikasi Sosioekonomi Masyarakat dalam Ar-Rahnu

Implikasi Sosioekonomi Masyarakat dalam Ar-Rahnu

1. Meningkatkan peluang pekerjaan usahawan Wanita
 2. Menambahkan sumber pendapatan usahawan Wanita
 3. Meningkatkan taraf hidup usahawan Wanita
 4. Menyumbang kepada Pembangunan ekonomi setempat
 5. Menggalakkan kepelbagaian aktiviti ekonomi IKS wanita
-

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Hasil dari analisis sorotan literatur ini telah menghasilkan satu kerangka konseptual kajian. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan kerangka konseptual yang ditunjukkan dalam Rajah 1, hubungan antara sosioekonomi masyarakat dan tahap penglibatan mereka dalam sistem Ar-Rahnu adalah berkadar langsung. Penglibatan ini telah dikenal pasti menyumbang kepada lima aspek utama pembangunan sosioekonomi, iaitu: (1) peningkatan peluang pekerjaan, (2) penambahan sumber pendapatan, (3) penggalakan terhadap pertumbuhan industri kecil dan sederhana (IKS), (4) pembangunan ekonomi setempat yang lebih aktif, serta (5) peningkatan taraf hidup masyarakat secara keseluruhan. Implikasi sosioekonomi ini dirumuskan hasil daripada sorotan dan perbincangan dalam kajian-kajian lepas. Justeru, kerangka konseptual ini diharapkan dapat berfungsi sebagai rujukan dan panduan berguna kepada penyelidik pada masa hadapan dalam meneroka kajian berkaitan Ar-Rahnu dan pembangunan masyarakat.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kewujudan sistem Ar-Rahnu telah memberikan sumbangan yang signifikan terhadap perubahan sosioekonomi masyarakat di Terengganu khususnya usahawan wanita Islam. Kajian ini menunjukkan bahawa perkhidmatan Ar-Rahnu memberi manfaat yang jelas kepada masyarakat yang terlibat, khususnya dalam aspek akses kepada pembiayaan patuh Syariah. Tahap kesedaran Ar-Rahnu dalam kalangan masyarakat berada pada tahap yang baik, namun penglibatan mereka masih boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Terdapat beberapa kekangan yang menghalang penglibatan secara menyeluruh, terutamanya dari sudut kefahaman terhadap konsep Ar-Rahnu dan keterbatasan akses kepada perkhidmatan ini, terutamanya di kawasan luar bandar.

Ekoran itu, kajian ini mencadangkan agar pihak berkuasa tempatan memperkukuh usaha promosi serta pelaksanaan program pendidikan kewangan Islam dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, langkah-langkah perlu diambil untuk mengurangkan kekangan seperti kekurangan pengetahuan yang mendalam mengenai konsep sebenar Ar-Rahnu dan isu berkaitan dokumentasi, agar tahap penglibatan masyarakat dapat ditingkatkan secara lebih menyeluruh dan meluas.

Bagi memperkasakan sistem Ar-Rahnu, beberapa langkah strategik wajar dilaksanakan secara bersepadu. Pertama, kempen kesedaran perlu diperluas ke kawasan luar bandar melalui jelajah komuniti, media tempatan dan sokongan pemimpin setempat agar masyarakat memahami kelebihan Ar-Rahnu. Kedua, pendidikan kewangan Islam boleh diperkukuh dengan mengadakan bengkel untuk usahawan mikro. Seterusnya, sistem Ar-Rahnu digital hendaklah dipertingkat dengan aplikasi mesra pengguna, proses pendaftaran mudah, saluran pembayaran fleksibel, serta keselamatan data yang mantap. Akhir sekali, kerjasama strategik dengan agensi zakat, koperasi, bank Islam dan institusi pendidikan penting bagi mewujudkan skim pembiayaan bersama, penyelidikan, serta insentif yang menyokong pertumbuhan jangka panjang. Pendekatan menyeluruh ini diyakini dapat menjadikan Ar-Rahnu lebih inklusif, berdaya saing dan mampan untuk kesejahteraan komuniti.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat kepentingan peribadi dalam penerbitan artikel ini. Penulis kedua melakukan kajian literatur, metodologi, analisis data dan perbincangan. Penulis pertama pula melakukan penambahbaikan terhadap sorotan literatur dan menjalankan semakan terhadap struktur ayat, analisis dan perbincangan serta semakan terhadap rujukan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Penyelidik Muda (FRGS-EC) di atas pembiayaan geran penyelidikan ini dengan nombor rujukan file: 600-RMC/FRGS-EC 5/3 (116/2024).

RUJUKAN

- Abu Sufian, A. B., Abdul. R. A., Ahmad. Z. I., Mohd. N. M., Badariah. H. D., Kalsom. K., & Marina. U. (2018). *Profil Usahawan Mikro di Malaysia*. Diakses dari <http://www.researchgate.net/publication/329830450> pada 31 Disember 2020.
- Azila, A. R., Fidlizan, M., Mohd, Y. M. H., Suraini, M. R., & Emilda, H. (2013). Peranan Institusi Pajak Gadaai Islam dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi. *Prosiding PERKEM VIII*, 3(2013), 1352-1363.

- Chan, S. C. (2001). Socio-Economic Significance of the Pawnbroking Business in Singapore. *Asian Journal of Social Science*, 29(3), 551-565.
- Faradillah, I. O., Samsudin, A. Rahim., & Ali. S. (2015). Penyertaan Digital Dan Ciri Keusahawanan Dalam Pemeraksanaan Usahawan Wanita Di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 31(1), 241-256.
- Hallieyana, S., & Hamid, A. L. (2020). Faktor Penentu Penggunaan Kemudahan Skim Ar-Rahnu Dalam Kalangan Usahawan Wanita. *International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI)*. 2(4), 35-42.
- Hasan, R. M., & Othman. N. (2021). Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Di Malaysia: Isu dan Cabaran Pelaksanaannya di Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di *International Conference on Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Hassan, F. S., Ahmad, S. & Wahab, H. (2015). Penerimaan Masyarakat Terhadap Skim Gadaian Islam di Kota Bharu Kelantan. Kertas kerja dibentangkan di *Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015*, Universiti Sains Islam Malaysia. Negeri Sembilan, Malaysia.
- Ishak, H. A. R., Rohaizad, H., Abdullah, S. O., & Azmi, A. (2019). Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Ar-Rahnu (Islamic Pawnshop). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(25), 15-23.
- Kambara, K. (2018). The Role of Islamic Collateral Loans (Ar-Rahnu) in The Malaysian Credit System: Evidence From Customer's Borrowing Behaviors. *Kyoto Bulletin of Islamic Area Studie*, 109-127.
- Mohamad, S. & Salleh. S. (2008). Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Fiqh*, 5, 47-65.
- Muhammad Saiful, I. M. T., & Muhammad Hakimi, M. S. (2008). Faktor Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Ar-Rahnu di Kedai Ar-Rahnu, Bank Rakyat, Alor Setar, Kedah. Kertas Kerja dibentangkan di *Islamic Economic and Finance*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Muhammad, R. A. H., Safura, A. S., Hazlin, F. R., Nurzakira, A. Z., Mohammad, A. M. K., & Ahmad, F. M. S. (2016). Usahawan Mikro Kredit: Faktor-faktor Dalaman Yang Mendorong Kejayaan Perniagaan. *Proceeding of the 2nd International Conference on Economic & Banking, 2016 (2nd ICEB)*.
- Nadiah, N. B. (2014). *Factors of Customer's Intention to Use Ar-Rahnu at Post Office: A Case Study in Kedah*. Tesis Sarjana Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Nor, Z. B. M. N., & Mohd, A. I. (2015). A Study on the Efficacy of Islamic Pawn Broking Services in Fulfilling Socio-Economic Needs: A Case of Two Cities Kuantan and Kuala Terengganu in Malaysia. *International Journal of Social Science*.
- Norudin Mansor, S.A Bashir, Semanat Abu Bakar, & Irwan Ismail. (2014). A Demographic Analysis on Customer Acceptance Towards Islamic Pawn Broking in Malaysia. *Asian Social Science*, 10(2), 27-36.
- Nur Hidayatul, S. O., Salbiah, N. S. A., Nazimah, H., Rohaida, B., & Azman, H. (2020). Persepsi Masyarakat Terhadap Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu). *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(1), 70-78.



- Osman, N. H. S., Shahrul Azmi, S. N., Hussin, N., & Basiruddin, R. (2020). Persepsi masyarakat terhadap pajak gadai Islam (Ar Rahnū): Society perception of Islamic pawnbroking (Ar Rahnū). *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(1), 70–78.
- Othman, A., Hashim, N., Abdullah, S., & Perniagaan, K. (2013). Perkembangan Ar-Rahnū di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Ar-Rahnū Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) Johor Bahru*, 2, 951-959.
- Portal Rasmi Ar Rahnū Yapeim (2020). *Pengenalan*. Dipetik pada 04 Mac 2021 dari: <https://www.arrassnuyapeim.net/pengenalan>.
- Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia (2025). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Diakses dari: <https://www.mycensus.gov.my/index.php/ms/> pada 18 Januari 2025
- Yahaya, S., Hassan, S.H.M, Abdullah, S.R., Hamid, C.K. & Mohd Noor, N.A. (2022). Penerimaan Masyarakat Kuala Terengganu Terhadap Ar-Rahnū Ketika Krisis Kewangan Pasca Pandemik Covid-19: Satu Kerangka Konseptual. *Jurnal 'Uluwān*, 9(1), 134-143